

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 3 OKTOBER 2013 (KHAMIS)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1	Sasar 72 saintis bagi setiap 10,000 tenaga kerja	Berita Harian
2	Sains, teknologi dan inovasi pacu kemajuan negara	Kosmo
3	Fokus lahir saintis, jurutera	Berita Harian
4	Minat pelajar terhadap sains perlu ditingkatkan	Utusan Malaysia
5	Pameran 1001 Inventions cipta kelainan	Utusan Malaysia
6	Elephant clock for precise timing	The Malay Mail
7	Higher ratio of engineers and scientists by 2020	New Straits Times
8	GPS and its Islamic origins	The Star
9	Tertarik (1001 Inventions)	Utusan Malaysia
10	Pengukuhan Sains, Teknologi dan Inovasi penting untuk kemajuan negara - Muhyiddin	Bernamea.com
11	Fake degrees – new laws needed	The Star
12	Fake degree holders face sack	The Malay Mail
13	Ijazah saya bukan palsu	Utusan Malaysia
14	Breakthrough in oil palm research	New Straits Times
15	Lagi bayi tersedak susu	Sinar Harian
16	Rayuan pihak pendakwa terhadap pembebasan Anwar didengar 11 dan 12 Dis	Bernamea.com
17	Robot bantu pulih lumpuh tangan	Berita Harian
15	USIM cipta perisian e-kaunseling	Berita Harian

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (SETEMPAT) : MUKA SURAT 14**  
**TARIKH: 3 OKTOBER 2013 (KHAMIS)**



MUHYIDDIN ketika melawat pameran '1,001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim' di Pusat Sains Negara, semalam. Turut sama, Dr Ewon (kiri), Abu Bakar (kanan) dan Irmawati (dua dari kanan).

## Sasar 72 saintis bagi setiap 10,000 tenaga kerja

**Kuala Lumpur:** Kerajaan menyasarkan mencapai nisbah 72 saintis dan jurutera penyelidik (RSE) bagi setiap tenaga kerja menjelang 2020, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, sasaran itu susulan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara yang diluluskan kerajaan pada awal tahun ini.

Katanya, ketika ini, nisbah RSE adalah 58.2 bagi setiap

10,000 tenaga kerja.

"Kerajaan amat komited untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 dan anjakan ini memerlukan pengukuhan peranan sains dan teknologi yang menjadi pemacu kemajuan negara.

"Antara aspek kritikal untuk mencapai dasar itu ialah negara perlu mempunyai jumlah RSE yang mencuku-

pi," katanya ketika merasmikan pameran '1,001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim' di Pusat Sains Negara (PSN) di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin; Timbalannya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah dan Pengarah PSN, Prof Madya Dr Irmawati Ramli.

Media Prima ialah rakan media rasmi pameran ini.



**KERATAN AKHBAR**  
**KOSMO (NEGARA): MUKA SURAT 4**  
**TARIKH: 3 OKTOBER 2013 (KHAMIS)**



MUHYIDDIN (tengah) tertarik melihat jam pertama pada zaman tamadun Islam sambil diperhatikan oleh Ewon Ebin (kiri) selepas merasmikan Pameran *1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim* di Kuala Lumpur semalam.

## Sains, teknologi dan inovasi pacu kemajuan negara

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan komited menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 dan anjakan itu memerlukan pengukuhan peranan sains, teknologi dan inovasi (STI) yang merupakan pemacu kepada kemajuan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, menyedari akan kepentingan STI dalam memacu pertumbuhan ekonomi,

kerajaan telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk membudayakan STI dalam kalangan masyarakat.

"Antara aspek kritikal untuk mencapai objektif-objektif tersebut ialah negara perlu mempunyai jumlah saintis dan jurutera penyelidik (RSE) yang mencukupi.

"Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) yang diluluskan kerajaan awal tahun ini menyasarkan

pencapaian nisbah 72 RSE bagi setiap 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2020, berbanding nisbah sekarang 58.2 RSE bagi setiap 10,000 tenaga kerja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Pameran *1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim* di Pusat Sains Negara (PSN) di sini semalam.

Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin.



# Fokus lahir saintis, jurutera

» Langkah  
capai status  
negara maju  
berpendapatan  
tinggi 2020

Oleh Syed Azwan Syed Ali  
syedazwan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**K**erajaan menasaskan pencapaian nisbah saintis serta jurutera penyelidik (RSE) dan tenaga kerja kepada 72:10,000 menjelang tahun 2020 untuk mencapai status negara maju, berbanding 58.2:10,000 sekarang.

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sasaran yang digariskan di bawah Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DS-TIN) itu diluluskan kerajaan awal tahun ini.

Beliau berkata, keperluan saintis dan jurutera penyelidik adalah antara aspek kritikal untuk memacu kemajuan negara.

"Kerajaan komited menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 dan anjakan ini memerlukan pengukuhan peranan sains dan teknologi dalam memacu kemajuan negara," katanya merasmikan Pameran 1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara di sini semalam.

Hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOS-



Muhyiddin melawat Pameran 1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim di Pusat Sains Negara, semalam. (FOTO SAIRIEN NAFIS/BH)

TI), Datuk Dr Ewon Ebin; Pengerah Pusat Sains Negara, Prof Madya Dr Irmawati Ramli; Pengarah Urusan dan Pernerbit 1001 Inventions, Ahmed Salim, serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata Group Berhad, Datuk Seri Jamaludin Ibrahim.

## Laksana pelbagai program

Muhyiddin berkata, kerajaan juga sedang melaksanakan pelbagai program membudayakan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) menerusi Dekad Inovasi 2010-2020 diterajui MOSTI bagi memupuk minat rakyat.

Katanya, fenomena kemerosotan minat dalam bidang sains yang dialami dunia turut berlaku di negara ini di mana

berlaku penurunan minat dalam aliran sains dan teknologi sejak 2006.

"Pada 2011, peratus murid aliran sains dan teknologi peringkat menengah hanya 44.01 peratus. Antara punca ialah persepsi negatif pelajar terhadap mata pelajaran sains sejak di bangku sekolah rendah di mana Sains dan Matematik dianggap sukar dikuasai dan boleh menjejaskan peluang ke universiti," katanya.

Muhyiddin menegaskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang baru dilancarkan, turut menumpukan kepada subjek sains dan teknologi untuk diperkasakan.

Beliau turut memuji pengajuran Pameran 1001 Inventions yang bertujuan me-

ningkatkan kesedaran rakyat terhadap STI kerana penerapan ilmu, bukan sekadar di bilik darjah.

## Tokoh cendekiawan Islam

Pameran interaktif yang memaparkan penemuan cendekiawan Islam abad ke-7 hingga ke-17, termasuk Ibnu Sina, Al Zahrawi dan Al Biruni yang menyumbang kepada pembangunan dan pemodenan tamadun dunia itu dianjurkan Pusat Sains Negara, Science Discoveries dan 1001 Inventions Limited UK.

Malaysia menjadi negara pertama di Asia Pasifik dipilih sebagai lokasi 1001 Inventions yang diiktiraf sebagai pameran terbaik di dunia oleh Industri Muzium-Muzium Eropah pada 2011.



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3**  
**TARIKH : 03 OKTOBER 2013 (KHAMIS)**



**MUHYIDDIN** Yassin melihat sekumpulan pelajar bermain permainan kreativiti *Play Maids* sambil diperhatikan Dr. Ewon Ebin dan Dr. Abu Bakar Mohamad Diah sempena perasmian Pameran 1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim di Pusat Sains Negara, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MOHD. NAJIB MOHD. NOR

## Minat pelajar terhadap sains perlu ditingkat

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, minat pelajar dalam subjek Sains di negara ini semakin menurun sejak 2006 sejajar dengan situasi kemerosotan bidang itu di peringkat universal.

Beliau berkata, berdasarkan laporan Strategi Mencapai Dasar Kementerian Pendidikan pada 2012, nisbah antara aliran Sains Teknikal dengan Sastera menunjukkan sebanyak 60:40.

Beliau yang juga Menteri Pendidikan memberitahu, pada 2011, peratus pelajar aliran Sains dan Teknologi pada peringkat menengah hanya mencapai sebanyak 44.01 peratus.

“Antara sebab masalah ini berlaku kerana persepsi negatif pelajar terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik sejak mereka di bangku sekolah rendah lagi. Kedua-dua bidang itu dianggap sukar dikuasai untuk lulus dengan cemerlang dan boleh menjejaskan peluang melanjutkan pengajian di universiti.

“Kemerosotan minat dalam bidang Sains seolah-olah suatu fenomena kontemporari universal,” katanya semasa berucap dalam majlis perasmian Pameran 1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim di Pusat Sains Negara di sini hari ini.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr.

Ewon Ebin; Timbalannya, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Pengarah Pusat Sains Negara, Prof. Madya Dr. Irmawati Ramli.

Muhyiddin berkata, menyedari kepentingan Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dalam memacu pertumbuhan ekonomi, kerajaan telah dan sedang melaksanakan pelbagai program untuk membudayakan STI dalam kalangan masyarakat bagi merealisasikan Dekad Inovasi 2010-2020.

Malah jelas beliau, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 yang baru dilancarkan turut memfokuskan kepada mata pelajaran Sains dan Teknologi untuk diperkasakan.

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 3**  
**TARIKH : 03 OKTOBER 2013 (KHAMIS)**

## Pameran 1001 Inventions cipta kelainan

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Malaysia berbangga dipilih sebagai destinasi pertama penganjuran pameran antarabangsa terbaik di Eropah, 1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim yang dibawakan khas dari United Kingdom (UK).

Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berharap pameran itu akan dibawa ke negeri-negeri lain sepanjang tiga tahun berada di Malaysia supaya segenap lapisan masyarakat di negara ini termasuk di luar bandar mendapat manfaat daripada penganjurannya.

"Saya berbangga apabila dimaklumkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bahawa Malaysia merupakan destinasi pertama untuk pameran 1001 Inventions.

"Saya berharap pameran seumpama ini mempunyai peranan sendiri terutama dalam meningkatkan

minat pelajar dalam bidang sains," katanya semasa berucap dalam majlis perasmian Pameran 1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim di Pusat Sains Negara di sini hari ini.

Pameran tersebut dibuka setiap hari kepada orang ramai sejak 31 Ogos sehingga 28 Februari tahun depan dengan bayaran masuk bagi dewasa RM20, kanak-kanak RM15 (7-17 tahun dengan kad pelajar), warga emas dan prasekolah RM6.

Pengarah Urusan dan Penerbit 1001 Inventions, Ahmed Salim berkata, 1001 Inventions memaparkan pelbagai jenis pameran, permainan berteknologi tinggi, paparan interaktif dan penceritaan yang menghidupkan kembali peranan bersejarah tokoh-tokoh dari era tamadun muslim.

Jelas beliau, pameran tersebut telah menerima lebih daripada tiga juta pengunjung di lokasi-lokasi

ternama seperti di London, New York, Los Angeles, Washington D.C, Istanbul, Abu Dhabi dan Dharan.

Katanya, 1001 Inventions dipilih sebagai pameran jelajah yang terbaik di dunia oleh Muzium Anugerah Kecemerlangan dan Kebudayaan di London pada 2011 dan kini mempunyai lebih daripada tiga juta peminat dalam talian di Facebook dan Twitter.

"Pameran ini adalah alat pendidikan berkesan dalam menghidupkan sejarah tamadun Muslim melalui kaedah-kaedah berteknologi tinggi, menyeronokkan serta menambat hati kanak-kanak dan orang dewasa.

Jam Gajah yang menakjubkan hasil ciptaan jurutera mekanikal Islam terkenal, Al-Jazari diyakini menjadi tarikan utama pengunjung, selain lima zon interaktif ciptaan gemilang tamadun muslim pada pameran tersebut.



KERATAN AKHBAR  
THE MALAY MAIL (NATIONAL) : MUKA SURAT 4  
TARIKH: 3 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

KUALA LUMPUR

## Elephant clock for precise timing

DEPUTY Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin looking at the Al-Jazari Elephant Clock which is among the main attractions at the 1001 Inventions Exhibition at the National Science Centre here. The Elephant Clock was a medieval invention by master engineer Al-Jazari, consisting of a weight powered water clock in the form of an elephant. The various elements of the clock include the housing on top of the elephant used by Muslims to keep track of prayer and fasting times. — BERNAMApic



## Higher ratio of engineers and scientists by 2020

**KUALA LUMPUR:** In line with the aim to achieve Vision 2020, the government anticipates a ratio of 72 research scientists and engineers (RSE) for every 10,000 people in the workforce by 2020.

The current ratio is 58.2 RSE for every 10,000 workers.

Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the government was committed to transforming Malaysia into a developed and high-income nation.

"To do that, we need to strengthen the role of science and technology in driving the country's development," he said during the launch of "1001 Inventions: The Enduring Legacy of Muslim Civilisation" exhibition here yesterday.

Muhyiddin, however, said the popularity of science subjects was

waning among schoolchildren and that more preferred to study in the arts stream.

The Education Ministry found that the number of students taking science subjects had started to decrease in 2006.

"In 2011, the percentage of secondary school students in the science stream was only 44.01 per cent. Unfortunately, many students have an aversion to science subjects even when they are in primary school."

Realising the importance of science, technology and innovation (STI), Muhyiddin said the government was continuously conducting efforts to hold more programmes to equip students with scientific knowledge.

"The 'Innovation Decade 2010-2020', spearheaded by the Science,



**Tan Sri Muhyiddin Yassin** at the "1001 Inventions: The Enduring Legacy of Muslim Civilisation" exhibition in Kuala Lumpur yesterday. With him are (from left) Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Dr Ewon Ebin**, Axiata chief executive officer **Datuk Sri Jamaludin Ibrahim**, National Science Centre director **Associate Professor Dr Irmawati Ramli** and Deputy Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah**. Pic by Sairien Nafis

Technology and Innovation Ministry is the best platform to realise the government's aspirations to promote STI."

Muhyiddin said the exhibition would inculcate a love for STI in students and the public.

"The learning process is not confined to the classroom. Such exhi-

bitions will not only expose students to STI, but also inspire them to excel in science."

The internationally renowned "1001 Inventions" show, which was first held in the United Kingdom, is an award-winning exhibition and will be on at the National Science Centre until February.



# GPS and its Islamic origins

System based on creation by Muslim scholar


By MAZWIN NIK ANIS  
mazwin@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Many of us are unaware that the Global Positioning System (GPS) we have all become accustomed to was created based on the discovery of a Muslim woman scholar.

The astrolabe, created by Mariam Al-Astrulabi during the 10th century in Aleppo, Syria, became invaluable for navigational purposes, time precision, geographical research and astronomy today.

Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said many modern creations and great discoveries – including in the fields of engineering, green energy, mathematics, medicine and architecture – could be traced back to the days of Islamic civilisation where “it all began”. “History shows that science and research was an important element in every civilisation. Whatever is created today will be important for future mankind.

“Therefore, we need to be relentless in our efforts to come up with new technologies and creations that will not only benefit us but our future generation,” he said when



**Rapt attention:** Students from SMK Bukit Bandaraya looking at an interactive exhibit at the 1001 Inventions: The Glorious Islamic Civilisation exhibition at the National Science Centre. – Bernama

opening the 1001 Inventions: The Glorious Islamic Civilisation exhibition at the National Science Centre.

Also present were Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin and his deputy Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

The Deputy Prime Minister also brought everyone's attention to Abbas Ibnu Firnas, a Muslim inventor and aviator during the ninth century, who in his attempt to fly had created “wings” made of silk and eagles' feathers, pointing out

that this happened way before the Wright brothers “conquered the sky” in 1903.

Muhyiddin, who is also Education Minister, said the decline in interest in science was a global phenomenon which Malaysia is also experiencing, saying that according to a ministry report last year, student participation in science and technology saw a downward trend since 2006.


He said that in 2011, only 44% of secondary school students took up science and among the root cause

was the negative perception that it would be difficult to pass the subject with flying colours and this could affect their chances to get a place in university.

“Among the shift needed to ensure the aim for Malaysia to be a high-income developed nation materialise is to strengthen the role of science and technology which is the driving force for progress,” he said, adding that the aim was to ensure adequate research scientists and engineers.



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA : MUKA SURAT 27**  
**TARIKH : 03 OKTOBER 2013 (KHAMIS)**




**TERTARIK**

SEBAHAGIAN pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Bandaraya melihat gambar pada pameran antarabangsa 1001 *Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim* yang telah dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd. Yassin di Pusat Sains Negara Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA





## Pengukuhan Sains, Teknologi Dan Inovasi Penting Untuk Kemajuan Negara - Muhyiddin



KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Kerajaan komited menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 dan anjakan itu memerlukan pengukuhan peranan sains, teknologi dan inovasi (STI) yang merupakan pemacu kepada kemajuan negara.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata menyedari akan kepentingan STI dalam memacu pertumbuhan ekonomi, kerajaan telah, sedang dan akan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti untuk membudayakan STI dalam kalangan masyarakat.

"Antara aspek kritikal untuk mencapai objektif-objektif tersebut ialah negara perlu mempunyai jumlah saintis dan jurutera penyelidik (RSE) yang mencukupi.

"Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) yang diluluskan kerajaan awal tahun ini mensasarkan pencapaian nisbah 72 RSE bagi setiap 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2020, berbanding nisbah sekarang 58.2 RSE bagi setiap 10,000 tenaga kerja," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pameran 1001 Inventions: Kegemilangan Tamadun Muslim di Pusat Sains Negara (PSN) di sini Rabu. **Turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Ewon Ebin.**

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan dan Penaung 1001 Inventions berkata kemerosotan minat dalam bidang sains seolah-olah merupakan suatu fenomena kontemporari universal, ketika dunia bergerak ke era selepas pemodenan, yang turut dirasai Malaysia.

Berdasarkan laporan Strategi Mencapai Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera oleh Kementerian Pendidikan pada 2012, trend penurunan penyertaan dalam aliran sains dan teknologi telah bermula pada 2006, katanya.

Menurutnya, pada 2011, peratus pelajar aliran sains dan teknologi pada peringkat menengah hanya 44.01 peratus.

"Antara sebab masalah ini berlaku ialah persepsi negatif di kalangan pelajar terhadap mata pelajaran sains sejak mereka masih di bangku sekolah rendah lagi.

"Mata pelajaran sains dan matematik dianggap sukar dikuasai untuk lulus dengan cemerlang dan boleh menjejaskan peluang melanjutkan pengajian di universiti," katanya.

Muhyiddin berkata jika dijejaki asas kepada ciptaan moden kini yang merangkumi bidang kejuruteraan, tenaga hijau, matematik, perubatan dan seni bina, ia sebenarnya bermula semasa era tamadun Islam.

"Kita sedia maklum ketika zaman kegemilangan tamadun Islam, ramai cendekiawan dan tokoh ilmuan Islam terkenal telah dilahirkan dan mempelopori penemuan hebat dalam bidang yang diceburi.

"Sebagai contoh, ramai yang beranggapan bahawa adik-beradik Wright merupakan yang pertama menakluki langit pada 1903.

"Tetapi ramai yang tidak menyedari bahawa (cendekiawan dan tokoh ilmuan Islam) Abbas Ibnu Firnas terlebih dahulu melakukannya pada abad ke-9 dengan menggunakan 'sayap terbang' yang diperbuat daripada sutera dan bulu helang," katanya.

Mengenai pameran yang dibawa khas dari United Kingdom dan berada di PSN sehingga Februari 2014 itu, Muhyiddin berkata ia dapat membuka minda dan memberi inspirasi kepada pelajar khususnya terhadap bidang STI.

Pameran itu dibuka setiap hari dari 9 pagi hingga 5 petang dan bayaran masuk ialah RM20 untuk dewasa, RM15 untuk kanak-kanak atau pelajar dan RM6 untuk warga emas dan prasekolah (4-6 tahun).

-- BERNAMA



# Fake degrees – new laws needed

Action taken now only if it's used in civil service



At The  
Dewan Rakyat  
YESTERDAY

THE Government cannot stop people from obtaining fake university degrees, but can only act against them if they use the documents to support their job applications to join the civil service, says Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim.

"What can we do if they want to frame it and hang it in their house? It is like buying fake Louis Vuitton bags. They look genuine, but they are not genuine.

"If we want action taken against them, we must draft new laws," he said in response to a supplementary question by Dr Ong Kian Ming (DAP-Serdang) during Question Time.

Ong had asked the Government what action could be taken against those who use fake university degrees and those who obtained unrecognised degrees. He named Human Resources Minister Datuk Richard Riot and Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin as recipients of dubious degrees.

A commotion ensued, with MPs from Barisan Nasional and the Opposition trading barbs over Ong's remarks.

Shahidan said civil servants who were found to have used dubious degrees could be sacked under the General Rules (Discipline and Conduct) Regulations 1993.

"Disciplinary action and expulsion will be

I worked very hard for three years and received a doctorate from Kuala Lumpur Infrastructure University College in August.

– DATUK RICHARD RIOT

considered if there are reports about anyone in government agencies who used fake academic qualifications for job applications and promotions," he added.

He said two cases of fake degrees and manufactured academic qualifications had been reported in the civil service. They were detected by the Public Service Commission between 2007 and last year.

"In the first case, the officer was dismissed when he was found out, while the second case involved someone who came for a job interview and his dubious qualifications were detected by the interviewers," he said.

Later, Riot rubbished Ong's allegations.

"I worked very hard for three years and received a doctorate from Kuala Lumpur Infrastructure University College in August," he said at the Parliament lobby.

Richard, who has been an MP for 23 years, said that as a former deputy foreign minister, he had represented Malaysia to speak in various international conferences and forums all over the world without problems.

KUALA LUMPUR

AT DEWAN RAKYAT

# Fake degree holders face sack

Govt to act against those found to have bogus qualifications

THE government cannot stop people from obtaining fake university degrees and can only act against individuals if they use such documents to support applications for jobs in public service.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim likens the fake degrees to fake handbags, which anyone can buy and keep.

However, in his reply to Ong Kian Ming (DAP Serdang) during question time yesterday, he did not reveal if the government would take action against Human Resources Minister Datuk Richard Riot Jaem and Science, Technology and Innovation Minister Ewon Ebin, who Ong

alleged to be holding fake degrees.

Shahidan merely said the government would take action if any public servant was found to have faked their qualifications.

"We will sack anyone who does so," he said.

But Ong said the reply by Shahidan was inconsistent, as the government has not taken action against ministers who allegedly faked their qualifications.

Ong had claimed that Riot, the Serian MP, and Ebin, the Ranau MP, had obtained qualifications from universities identified as degree mills.

He also named Mohammed Emir Ma-

vani Abdullah, the CEO of Felda Global Ventures Holdings Bhd, as having questionable qualifications.

"The government not only appointed him to the post, they also gave him 150,000 FGVH shares worth RM500,000. This shows the inconsistency of the Barisan Nasional (BN) government. It penalises civil servants for fake degrees but does not punish a person with a high post in a GLC," Ong said.

He also identified Baling MP Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, who was appointed chairman of Lembaga Tabung Haji, as another whose qualifications are questionable.



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (SIDANG DEWAN RAKYAT) : MUKA SURAT 24**  
**TARIKH : 03 OKTOBER 2013 (KHAMIS)**

## Ijazah saya bukan palsu - Richard

KUALA LUMPUR 2 Okt. - Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot Jaem menafikan tuduhan Ahli Parlimen Serdang, Dr. Ong Kian Ming kononnya beliau memiliki ijazah sarjana muda dan sarjana pengurusan perniagaan (MBA) dari sebuah universiti di Amerika Syarikat (AS) yang didakwa sebagai 'kilang ijazah'.

Menurutnya, beliau terpaksa mempertahankan diri daripada tuduhan itu kerana selama ini telah bekerja kuat untuk mendapatkan ijazah berkenaan.

Malah katanya, beliau juga baru sahaja memperoleh doktor falsafah (PhD) dari Kolej Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur (kini Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur - IUKL) pada Julai lalu selepas tiga tahun belajar.

"Ijazah ada dua iaitu palsu dan tidak diiktiraf tetapi ijazah saya bukan palsu, ijazah saya mungkin tidak diiktiraf," tegasnya ketika menjawab soalan **Datuk Hasbullah Osman (BN-Gerik)** dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.



**RICHARD RIOT**

Terdahulu, Kian Ming dalam soalan tambahan menuduh Richard selain Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin serta Ahli Parlimen Baling, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim memiliki ijazah dari universiti bertaraf 'kilang ijazah'.

Ahli Parlimen dari DAP itu membuat tuduhan berkenaan ketika mengemukakan soalan berhubung penggunaan ijazah palsu untuk dijawab Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Shahidan dalam pada itu menegaskan, dari 2007 hingga tahun lalu, hanya dua kes

pemalsuan sijil akademik dikesan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dengan kes pertama, pegawai yang dilantik telah ditamatkan perkhidmatannya.

Sementara itu, Richard ketika meneruskan jawapan bagi soalan asal Hasbullah berkata, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran bagi suku kedua tahun ini adalah tiga peratus bersamaan 411,400 orang.



# Breakthrough in oil palm research

**NEW GENOME:** Our scientists beat the French to break the palm oil yield code

**R**ECENTLY, scientists from the Malaysian Palm Oil Board (MPOB) made headlines. Their breakthrough in deciphering oil palm genome was well-received.

Dr Ravigadevi Sambanthamurthi, a fellow of the Academy of Sciences Malaysia who led the team, could not hide her excitement in a recent talk at the academy's idea exchange event. The discovery promises to break the deadlock in palm oil yield, which has been stagnated for many years now. When that happens, palm oil production in Malaysia is set to expand again. This is also expected to bring comfort to the industry, which is under pressure from environmental groups calling for further restraint in opening new land for oil palm cultivation. With the expected 30 per cent improvement in yield, the oil palm will continue to widen its lead in productivity over other competing oils.

What exactly is the breakthrough? How significant is it? And, how would the findings be put to use? Though led by Malaysians, the team had collaboration from Orion Genomics, a United States biotech company. The discovery involves the identification of a single gene, called Shell, that is responsible for increasing the plant's oil yield. It is significant in terms of scientific advancement, considering that two papers from the work were accepted for publication in the prestigious international journal, *Nature*. But more important is the potential the findings will have in bringing benefits to the palm oil industry. For decades now, palm oil is a source of nearly one-half of the supply of edible vegetable oil worldwide. This is now expected to be sustained for a longer term.

According to MPOB director-general Datuk Dr Choo Yuen May: "The discovery will have a significant impact on the Malaysian economy because



Harvested oil palm fruit. Research shows genome-driven improvements to the trees will allow farmers to produce more oil on less land.

for every one per cent increase in palm oil yields, Malaysia gains RM1 billion (US\$330 million) in income."

The oil palm that is widely grown in Malaysia is a hybrid of two varieties: dura, which has thick shells and therefore gives lower yield, and the shell-less pisifera, which makes processing difficult to separate the palm oil from the kernel oil. The hybrid of the two is the tenera, which is the common variety cultivated. It has a thinner shell than the dura and therefore has better yield.



**Dr Ahmad Ibrahim**  
Fellow Academy of Sciences Malaysia

Seed producers rely on selective breeding techniques to maximise plantings of tenera palms. The problem is that they often end up with up to 10 per cent of plantings may be the low-yielding dura. This arises because of the uncontrollable wind and insect pollination. Identifying whether an oil palm plantlet is the desired shell type can take six years. This can be costly because, by then, the trees cannot be uprooted. The identification of Shell has enabled the development of a simple molecular screen that can be used with seeds and plantlets to prevent the cultivation of undesired non-tenera plants, thereby, raising the ef-

iciency of oil palm plantations.

The researchers also hope their public release of the genome will allow other scientists to pinpoint more genes that might be useful for improving oil palm trees, such as resisting drought and diseases.

"We're not going to stop here," said Ravigadevi.

The board, which is financed by the government, paid for most of the research. Genome-driven improvements to oil palm trees, the researchers argue, could allow farmers to produce more oil on less land. Writing in *Nature*, they claim that the genome will "help to achieve sustainability for biofuels and edible oils, reducing the rainforest footprint of this tropical plantation crop".

The new study is "a major breakthrough", said David Edwards, a conservation biologist at James Cook University, Australia.

"The only way that we will be able to feed the projected human population of nine to 10 billion without huge waves of deforestation is through increases in crop yield."

Apparently, French scientists have been working for seven years to break the yield code. The breakthrough is further testimony of the fact that Malaysia is not short of world-class scientists!



**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (LEMBAH KLANG) : MUKA SURAT 20**  
**TARIKH: 03 OKTOBER 2013 (KHAMIS)**

## Lagi bayi mati tersedak susu

**KAJANG** – Seorang bayi lelaki berusia enam bulan mati selepas disyaki tersedak susu dalam kejadian di rumah keluarganya, di Bandar Mahkota Cheras. di sini, tengah hari kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ab Rashid Ab Wahab berkata, sebelum kejadian disedari kira-kira jam 1 tengah hari, mangsa, Lai Kim Hui dikatakan sedang menyusu botol dengan bantuan ibunya.

Menurutnya, selepas selesai menyusu, ibu mangsa me-

nidurkannya di atas buaian duduk sementara wanita berkenaan melakukan kerja rumah.

"Mangsa tersedak dan ibunya melihat lelehan susu keluar dari mulutnya," katanya, semalam.

Menurutnya, spesimen darah mangsa dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis dan pihaknya kini sedang menunggu laporan rasmi bedah siasat mangsa.

Katanya, tidak wujud sebarang unsur jenayah dalam kematian mangsa dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.



## Rayuan Pihak Pendakwa Terhadap Pembebasan Anwar Didengar 11 Dan 12 Dis

PUTRAJAYA, 2 Okt (Bernama) -- Mahkamah Rayuan menetapkan 11 dan 12 Dis untuk mendengar rayuan pihak pendakwa terhadap pembebasan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada pertuduhan meliwat bekas pembantunya, Mohd Saiful Bukhari Azlan.

Presiden Mahkamah Rayuan Tan Sri Md Raus Sharif menetapkan tarikh itu di dalam kamar selepas kes itu dikemukakan di hadapannya untuk pengurusan kes.

Mewakili pihak pendakwa ialah Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah manakala Anwar diwakili Karpal Singh.

Muhammad Shafee, yang merupakan peguam kanan, dilantik oleh Peguam Negara secara "fiat" untuk mengetuai pihak pendakwa dalam rayuan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 9 Jan tahun lalu yang melepaskan dan membebaskan Anwar daripada pertuduhan meliwat Mohd Saiful Bukhari, 26.

Karpal Singh berkata sementara itu, Mahkamah Rayuan perlu menyediakan alasan penghakiman berhubung keputusannya (Mahkamah Rayuan) menolak permohonan Anwar untuk melucutkan kelayakan Muhammad Shafee daripada bertindak sebagai peguam utama.

Beliau berkata ini untuk membolehkan rayuan Anwar (terhadap keputusan Mahkamah Rayuan menolak permohonan Anwar untuk melucutkan kelayakan Muhammad Shafee sebagai pendakwa raya) didengar di Mahkamah Persekutuan sebelum 11 Dis.

Panel tiga anggota Mahkamah Rayuan diketuai Hakim Datuk Ramly Ali pada 17 Sept tahun ini menolak permohonan Anwar untuk melucutkan kelayakan Muhammad Shafee atas alasan pelantikannya sebagai pendakwa raya adalah sah dan mengikut ketetapan undang-undang.

Ketua Pembangkang itu kemudiannya memfailkan notis rayuan pada 20 Sept tahun ini terhadap keputusan itu.

Anwar, 64, dituduh melakukan kesalahan itu di satu unit Kondominium Desa Damansara di Bukit Damansara antara 3.10 petang dan 4.30 petang, 26 Jun, 2008.

Pada 9 Jan tahun lepas, Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Mohamad Zabidin Mohd Diah semasa membebaskan Anwar memutuskan berlaku penetrasi zakar tetapi tidak disahkan oleh keterangan lain.

Beliau juga memutuskan mahkamah tidak pasti 100 peratus berhubung integriti sampel diambil daripada Mohd Saiful bagi ujian DNA kerana sampel itu telah diusik sebelum sampai ke **jabatan kimia** untuk analisis.

-- BERNAMA



KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (VARSITI INOVASI): MUKA SURAT V6  
TARIKH: 3 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

**Johor Bahru:** Tiga pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mengukir nama di persada antarabangsa apabila meraih tempat kedua Pertandingan Reka Cipta Pelajar Ketujuh di International Convention on Rehabilitation Engineering & Assistive Technology (i-CREATE), Gyeonggi-do, Korea Selatan, baru-baru ini.

Khor Kang Xiang, Fu Suan Kian dan Patrick Chin Jun Hua dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik

# Robot bantu pulih lumpuh tangan

membawa pulang hadiah wang tunai RM2,660 (USD700) dan sijil menerusi inovasi bertajuk Compact Rehabilitation Robot iaitu satu permainan robot yang boleh membantu memulihkan pesakit yang lumpuh tangan.

Tempat pertama dimenangi Universiti Mahidol, Thailand dan ketiga, Universiti Finders, Australia.

## Sumbangan dana

**L2M**

Pensyarah, Dr Yeong Che Fai, berkata inovasi itu dihasilkan menerusi dana sumbangan Lab2 Market Commercialisation Programme (L2M) badan yang ditubuhkan dengan kerjasama

ma agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan industri berjumlah RM300,000.

"Robot dilengkapi pemegang mudah alih bagi membantu pesakit melakukan pergerakan berbeza dan membolehkan pesakit dan ahli terapi membuat analisis serta menilai tahap pencapaian proses pemulihan.

"Setakat ini, ia sudah diuji di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru serta Persatuan Stroke Kebangsaan Malaysia (NASAM). Kita yakin ia akan dikomersialkan dalam masa terdekat," katanya.

## Bukti keupayaan

Katanya, kejayaan pelajar UTM memenangi pertandingan berkenaan membuktikan mahasiswa di negara ini kreatif dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa. Sebanyak 24 pasukan dari Thai-

land, Indonesia, Korea Selatan, Singapura dan Malaysia menyertai pertandingan tahunan itu yang mencabar keupayaan mahasiswa dari seluruh dunia bagi mem-



**Kian (kiri), Patrick dan Xiang (kanan)** meraikan kejayaan meraih tempat kedua pada i-CREATE di Korea Selatan, baru-baru ini.

bangunkan alat bantuan dan teknologi pemulihan yang kreatif dan inovatif bagi meningkatkan kualiti hidup orang kurang upaya dan warga tua.



KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (VARSITI INOVASI): MUKA SURAT V6  
TARIKH: 3 OKTOBER 2013 (KHAMIS)

# USIM cipta perisian e-kaunseling

Oleh Khairina Yasin  
kayrina@bh.com.my

► Nilai



Dr Sapora

### INFO

#### Ciri-ciri e-Sohffanzz

- Pendekatan kaunseling atas talian
- Maklumat individu dirahsiakan
- Bantu kenal tahap tekanan
- Lengkap dengan e-nota
- Sesi berbual atas talian (chatting) dengan pakar kaunseling

Penyelidik Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya membangunkan satu perisian e-kaunseling bagi membantu individu atau pasangan yang menghadapi masalah tekanan dalam keluarga.

Perisian atas talian dikenali e-Sohffanzz itu bukan saja menyelesaikan masalah tekanan, malah turut membantu individu mengenal pasti tahap tekanan yang dihadapi sebelum dirujuk kepada pakar kaunseling berdaftar.

Diketuai Prof Madya Dr Sapora Sipon, perisian memfokuskan kepada masalah tekanan keluarga memandangkan ia antara punca berlakunya peningkatan kes perceraian berdasarkan data dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu satu perceraian dalam setiap tiga minit.

Katanya, sebelum kaunseling bermula, individu perlu melengkapkan kaji selidik berbentuk soalan terlebih dulu sebelum dihubungkan dengan pakar atau nota atas talian iaitu e-nota bagi membantu menyelesaikan masalah mereka.

#### Kesan tahap tekanan


"Sebanyak 36 soalan merangkumi

enam domain iaitu komunikasi, kewangan dan pekerjaan, sikap, seksual, campur tangan pihak luar dan amalan agama serta dibina berdasarkan item positif dan negatif yang menjadi asas dalam bidang psikologi.

"Semua soalan perlu dijawab secara tepat dan sistem akan membuat pengiraan secara automatik

**SOHFFANZZ** | e-Family Stress  
Pengujaan tahap stres dalam perkahwinan

HOME | PENGENALAN | PENGUJIAN | PENYELESAIAN | PAUTAN | PERIHAL KAMI



### SOAL SELIDIK SOHFFANZZ e-FAMILY STRESS

SKALA PENILAIAN

1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Tidak pasti	Setuju	Sangat setuju

B1	KOMUNIKASI	SKALA PENILAIAN
1	Saya kerap berbual dengan pasangan mengenai hal keluarga	0
2	Saya sering berasa sedih apabila pasangan menolak keinginan untuk berbincang	0
3	Rumah tangga saya semakin ceria apabila wujud komunikasi yang berkesan antara ahli	0
4	Saya berasa hubungan saya dengan pasangan tidak dapat bertahan lama	0
5	Saya lebih mudah berkongsi masalah dengan rakan-rakan berbanding pasangan saya	0
6	Pasangan saya sering mengeluarkan kata-kata kesat	0

Paparan perisian e-Sohffanzz yang berupaya membantu masalah dan pengurusan tekanan dalam keluarga.

bagi menentukan tahap tekanan dialami individu berkenaan," katanya.

Beliau berkata, empat tahap tekanan dikategorikan dalam perisian itu pertama 'stress expert' iaitu individu dikategorikan sebagai seorang yang bijak menguruskan tekanan dan kedua, 'stress master' individu mampu menangani tekanan, namun ada masanya masih memerlukan bantuan.

Katanya, mereka yang berada pada tahap tekanan berkecenderungan tinggi dan berisiko menjadi lebih parah jika tidak diubahi pula diletakkan pada tahap ketiga iaitu 'stress novis', diikuti tahap 'stress out' mengkategorikan individu yang gagal menangani tekanan dan perlu dirujuk kepada wad sakit

mental," katanya.

#### Bantuan secara maya

Selepas pengesanan tahap tekanan itu, katanya, individu kemudian dirujuk kepada e-nota yang bersesuaian dengan tahap tekanan mereka atau berbual dengan pakar kaunseling berdaftar di alam maya bagi mencari penyelesaian terbaik menangani masalah tekanan masing-masing.

"Segala maklumat adalah sulit dan dirahsiakan selari dengan etika dalam kaunseling. Individu tidak perlu takut atau malu untuk meluahkan masalah mereka.

"Sebelum ini, pelbagai strategi dibuat bagi mendekati individu bermasalah agar mendapatkan khidmat kaunseling, tetapi masih

ramai yang bersikap pasif. Dengan adanya perisian ini, ia sedikit sebanyak membantu mereka untuk tampil di alam maya tanpa perlu bersemuka dengan pakar kaunseling," katanya.

Ketika ini, katanya, e-Sohffanzz diuji di kebanyakan Jabatan Agama Islam Negeri serta Jabatan Kebajikan Masyarakat dan maklum balas mendapati perisian itu sangat relevan dalam membantu proses kaunseling khususnya membabitkan pasangan bermasalah.

Katanya, perisian itu akan diperluaskan ke beberapa hospital bagi membantu pesakit mental, malah kajian susulan turut dijalankan bagi membangunkan perisian sama berkaitan masalah tekanan hutang.